

20 JUN 2002

Umno-Reaksi (Abdullah)

UCAPAN DR MAHATHIR LAHIR DARI PEMERHATIANNYA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad yang secara terus-terang mengkritik orang Melayu sebenarnya lahir daripada pengalaman dan pandangan beliau yang luas mengenai sikap orang Melayu.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Dr

Mahathir adalah seorang pemimpin yang berpengalaman dan telah melihat

sendiri sikap orang Melayu yang tinggal di kampung dan bandar.

Setelah melihat dan melalui pengalaman, Perdana Menteri telah membuat

kesimpulan bahawa orang Melayu haruslah mengubah sikap jika mereka mahu

menjadi bangsa yang berdaya saing, katanya pada persidangan media selepas

majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC) di sini hari ini.

"Dr Mahathir telah melihat masalah dan kelemahan orang Melayu dari

perspektif yang lebih luas dan beliau sendiri berpengalaman melihat bagaimana sikap orang Melayu yang sentiasa berasa selamat dan suka leka,"

katanya.

Beliau berkata, apa yang lebih menarik pada ucapan Dr Mahathir kali ini

ialah beliau telah menggunakan banyak ayat-ayat suci al-Quran untuk menjelaskan sikap untuk maju dari perspektif Islam.

Mengenai kritikan terhadap orang Melayu, Abdullah berkata sememangnya

sejarah Umno ialah mengkritik orang Melayu bagi tujuan membangunkan mereka.

"Jika kita hendak ikutkan populariti, kita cuma biarkan orang Melayu

lakukan apa yang mereka suka dan orang Melayu tidak akan berubah," katanya.

Katanya, kritikan terbuka Dr Mahathir mengambilkira cabaran hebat yang

dihadapi oleh orang Melayu pada era globalisasi sekarang dan mereka akan

tertinggal jika tidak mengubah sikap yang suka leka.

Beliau berkata Dr Mahathir telah melihat bagaimana sikap orang Melayu

yang jika dibantu pun tidak tahu menggunakan peluang kerana beranggapan

mereka tidak perlu bersaing dengan bangsa lain.

Abdullah berkata Umno dan kerajaan sememangnya telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan orang Melayu tetapi sikap orang Melayu masih belum berubah sehingga ada pihak yang mengajak mereka agar tidak berterima kasih dan bersyukur dengan apa yang diusahakan oleh kerajaan.

Katanya, Dr Mahathir juga memberikan penekanan kepada kesejahteraan rumah tangga untuk menentukan perubahan sikap dapat dipupuk sejak peringkat anak-anak.

-- BERNAMA

AZE AZZ MOZ